
Pengenalan kepada Mekanisme Kadar Boleh Ubah secara Islam

Dalam aspek pengurusan risiko, satu pencapaian penting industri perbankan Islam pada tahun 2003 adalah pengenalan produk pembiayaan kadar boleh ubah yang pertama berasaskan konsep *bai' bithaman ajil* (BBA). Produk ini dimajukan oleh satu kumpulan kerja terdiri daripada wakil Bank Negara Malaysia dan peserta industri bagi membantu institusi kewangan Islam bersaing dari segi pemadanan kadar pembiayaan perbankan Islam dengan kadar pembiayaan pasaran dalam konteks persekitaran dwi-perbankan. Ia juga dapat memberi pulangan yang lebih munasabah kepada pendeposit dan seterusnya mengurangkan risiko ketakpadanan. Menerusi produk ini, institusi kewangan Islam berupaya memperoleh aliran pendapatan yang pelbagai daripada aktiviti pembiayaan mereka yang dapat diagihkan kepada pendeposit pada kadar yang lebih kompetitif.

Instrumen baru ini adalah satu pilihan kepada portfolio pembiayaan semasa yang sebahagian besarnya berkadar tetap. Pergantungan tinggi pada pembiayaan kadar tetap menjadi isu penting dalam perbankan Islam kerana kekurangan mekanisme lindung nilai bagi melindungi aset kewangan Islam yang semakin mengembang dan terdedah kepada kadar pembiayaan yang turun-naik. Pada akhir Disember 2003, jumlah pembiayaan berkadar tetap merangkumi 87.8% daripada keseluruhan pembiayaan secara Islam. Sebahagian besar pembiayaan ini, seperti pembiayaan rumah-i, pembiayaan hartanah-i dan pembiayaan bertempoh-i berjangka panjang, merangkumi 58.8% daripada jumlah pembiayaan secara Islam seperti yang ditunjukkan dalam Graf 1. (Kaedah pembiayaan kadar boleh ubah semasa yang ditawarkan beberapa institusi kewangan Islam tidak praktikal kerana ia melibatkan beberapa perjanjian sampingan bagi mencerminkan perubahan dalam kadar pembiayaan).

Graf 1
Jumlah Pembiayaan mengikut Kaedah Pembiayaan (pada akhir tahun 2003)




Rejim kadar tetap menyebabkan ketakpadanan dalam pendanaan institusi kewangan Islam kerana pembiayaan jangka panjang mereka dibiayai deposit jangka pendek yang tidak tetap kadar pulangannya. Memandangkan pihak bank menetapkan kadar keuntungan pembiayaannya bagi satu tempoh yang panjang, kenaikan kadar pasaran boleh menimbulkan kesulitan kepada institusi perbankan Islam untuk memberi pulangan yang memuaskan kepada pendeposit. Aliran pendapatan daripada pembiayaan tetap terikat pada kadar keuntungan yang tetap dan secara relatifnya lebih rendah sekiranya kadar terapung pinjaman konvensional meningkat. Keadaan ini boleh menyebabkan dana Islam beralih ke dana konvensional.

Pembiayaan kadar boleh ubah ini diperkenalkan bagi mengurangkan risiko ketakpadanan yang kini dihadapi institusi kewangan Islam. Menerusi produk ini, kadar keuntungan pembiayaan boleh diubahsuai mengikut kadar pasaran supaya kadar deposit lebih kompetitif. Pendeposit dapat memperoleh pulangan yang lebih memuaskan dan seterusnya tidak memindahkan dana mereka ke perbankan konvensional yang sekiranya berlaku, boleh menjejaskan operasi perbankan Islam. Alternatif baru ini mengurangkan pendedahan risiko pasaran institusi perbankan Islam terutamanya dalam suasana sistem perbankan Islam beroperasi seiringan dengan sistem perbankan konvensional.

Pembiayaan kadar boleh ubah ini adalah inovasi kepada konsep pembiayaan BBA sedia ada yang ketika ini berkadar tetap. Dalam pembiayaan kadar boleh ubah ini, harga jualan aset kepada pelanggan secara bayaran tertangguh ditetapkan pada kadar keuntungan siling atau maksimum, yang kadarnya lebih tinggi daripada kadar keuntungan tetap pembiayaan BBA. Justeru, harga jualan kontrak dan bayaran ansurannya menjadi lebih tinggi. Walau bagaimanapun, rebat atau *ibra'* (pengecualian hak menuntut keuntungan belum diperoleh) diberikan pada setiap bayaran ansuran, misalnya pada setiap bulan, bagi mengurangkan ansuran bulanan supaya sepadan dengan kadar pasaran semasa.

Graf 2
Pembiayaan BBA Kadar Boleh Ubah



Dalam Graf 2, pembiayaan dimeterai apabila bank membeli aset daripada pelanggan secara tunai dan menjual semula aset tersebut secara bayaran tertangguh. Berdasarkan kadar keuntungan maksimum 12%, harga jualan (lebih tinggi daripada pembiayaan BBA berkadar tetap) dipersetujui dan kontrak pembayaran balik dimeterai dengan bayaran ansuran sebanyak RM2,000 sebulan sepanjang tempoh dipersetujui. Sekiranya kadar pinjaman asas (BLR) yang digunakan sebagai tanda aras dalam pengiraan harga adalah 10% setahun pada bulan pertama, bank dikehendaki memberikan rebat bulanan RM500 iaitu perbezaan antara kadar keuntungan maksimum 12% setahun dan kadar keuntungan efektif 10% setahun. Sekiranya dalam bulan keempat, kadar pasaran meningkat kepada 11% setahun, bank berkenaan akan memberi rebat bulanan sebanyak RM300 sahaja.

Pada amalannya, rebat diubahsuai supaya kadar keuntungan efektif (kadar keuntungan maksimum tolak rebat) dapat mencerminkan turun-naik kadar pembiayaan pasaran. Bank boleh menaikkan kadar pembiayaan apabila kadar pasaran meningkat, dan seterusnya memberi pulangan lebih baik kepada pendeposit. Ia juga membuktikan kewajaran penetapan kadar keuntungan maksimum yang lebih tinggi bagi menampung sebarang kenaikan kadar pasaran. Walau bagaimanapun, sekiranya

kadar pasaran meningkat melebihi 12% setahun, kadar keuntungan efektif kekal pada kadar keuntungan maksimum. Kadar keuntungan maksimum ini memberi jaminan kepada pelanggan yang kadar keuntungan efektif dihadkan pada kadar tersebut.

Bagi mengawal selia kaedah pembiayaan ini, kadar keuntungan maksimum adalah tertakluk kepada empat mata peratusan atas BLR, kecuali sekiranya terdapat alasan kukuh tentang jangkaan perubahan dan turun-naik kadar pasaran. Dalam menentukan kadar keuntungan efektif, bank dikehendaki mengawasi had keuntungan maksimum sebanyak 2.5 mata peratusan atas BLR. Pada dasarnya, kadar keuntungan efektif tidak boleh melebihi kadar keuntungan maksimum walaupun kadar pasaran semasa melebihi kadar keuntungan maksimum, malah sebarang perubahan kadar keuntungan efektif hendaklah dimaklumkan kepada pelanggan sebelum perubahan tersebut dilakukan.

Pada tempoh matang, sebarang perbezaan antara harga jualan dan jumlah bayaran balik (termasuk rebat bulanan) akan dikembalikan. Selain rebat bayaran ansuran dan tempoh matang yang wajib dimasukkan dalam perjanjian pembiayaan, rebat juga perlu diberi bagi bayaran balik awal atau penebusan, atau penamatan kontrak. Bank Negara Malaysia juga membenarkan penjadualan semula pembiayaan, iaitu lanjutan tempoh pembiayaan sekiranya bank memilih untuk tidak menaikkan ansuran bulanan efektif meskipun terdapat kenaikan dalam kadar keuntungan efektif. Syaratnya, perjanjian pembiayaan hendaklah mengandungi klausa penjadualan semula, manakala jumlah bayaran balik tidak boleh melebihi harga jualan asal. Bagi maksud pengiraan kecukupan modal, pembiayaan BBA kadar boleh ubah mengguna pakai wajaran risiko yang sama seperti pembiayaan BBA berkadar tetap.

Buat masa ini, kaedah pembiayaan baru ini digunakan bagi pembiayaan rumah, hartanah dan pembiayaan berjangka sahaja dan dijangka diperluaskan kepada jenis pembiayaan lain pada masa hadapan. Produk baru ini dijangka berkembang pesat kerana ia adalah produk lindung nilai semula jadi khasnya bagi menangani isu pendedahan risiko yang ketara dalam perbankan Islam.

Meningkatkan Rangka Kerja Pengawalan

Peningkatan kepentingan industri perbankan Islam memerlukan pembangunan rangka kerja pengawalan yang efektif bagi mewujudkan suasana yang menyokong pembangunan industri tersebut.

- Pada tahun 2003, Bank Negara Malaysia menjalankan kajian semula ke atas Rangka Kerja Kadar Pulangan bagi memperkukuhkan kaedah pengiraan kadar pulangan kepada pendeposit. Kajian semula ini akan memberi fleksibiliti yang lebih meluas dalam pelaksanaan rangka kerja tersebut.

- Garis Panduan Laporan Contoh dan Penyata Kewangan bagi Bank Islam Berlesen (GP8-i) dikeluarkan pada bulan Ogos 2003 bagi mewujudkan ketekalan dan keseragaman dalam kepatuhan kepada peruntukan-peruntukan ABI, piawaian perakaunan yang diluluskan, khususnya MASB *i*-1 dan kehendak Syariah di kalangan bank Islam. Garis panduan ini menetapkan keperluan minimum penyata kewangan yang perlu dizahirkan oleh bank Islam.

- Dalam perkembangan piawaian perakaunan bagi kewangan Islam, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia telah memulakan kerja-kerja asas persediaan piawaian berhubung pengiktirafan, penilaian dan penzahiran transaksi pemajakan (*ijarah*), jualan bayaran tertangguh (BBA) dan kos-tambah (*murabahah*).